

KOSMO

JUMAAT ( 9 MAC 2018)

MUKASURAT 10

# MOA buka lebih banyak peluang buat perempuan ceburi bisnes



AHMAD SHABERY

**PUTRAJAYA** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menggerakkan pelbagai agensi di bawahnya untuk membuka lebih banyak peluang bagi wanita menceburi bidang pertanian, kata Menteri-Agri, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata, apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita,

MOA melihat ia sebagai satu seruan yang murni.

Ahmad Shabery berkata, sektor pertanian menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja meringkaskan taraf hidup dan pendapatan menerusi usahawanan.

“Sektor pertanian ini, yang dahulunya mungkin dikaitkan dengan kemiskinan dan tekanan ke atas wanita, kini pula mampu menjadi batu loncatan untuk melonjak-

kan kehidupan serta memberikan kebebasan ekonomi kepada golongan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2018.

Menurut Ahmad Shabery, TEKUN Nasional mengumumkan bahawa separuh daripada RM500 juta dana tahun ini diperuntukkan kepada usahawan wanita. Tahun lepas, TEKUN Nasional

telah membiayai sejumlah 18,320 usahawan wanita, atau separuh daripada peruntukan dana RM380 juta.

Agrobank, satu lagi agensi pembiayaan di bawah MOA, pada tahun lepas pula telah memberi pembiayaan RM340 juta kepada 11,400 usahawan wanita, manakala 30 peratus atau 975 orang daripada 3,200 usahawan yang dibantu menerusi skim agropreneur muda MOA pada 2017 adalah wanita. - Bernama